



Dasar Jenayah Kewangan

Versi

Global 1.0

Diluluskan oleh Jawatankuasa Dasar OneJM pada
14 Januari 2019

Kandungan

1	Tujuan	3
2	Skop/ Kebolegunaan	3
3	Dasar	3
4	Rujukan	5
5	Kebertanggungjawapan dan Tanggungjawab	5
6	Kawalan Utama	7
7	Akibat Pelanggaran	8
8	Pemilik Dasar	8
9	Kawalan Dokumen	8
10	Definisi	9

1 Tujuan

Dasar ini bertujuan untuk menangani risiko perniagaan atau perkhidmatan JM secara global digunakan untuk terlibat dalam atau memudahkan Jenayah Kewangan. Di bawah Dasar ini, Jenayah Kewangan terdiri daripada Pengubahan Wang Haram, Pengelakan Cukai, Pembiayaan Keganasan dan apa-apa aktiviti haram lain yang menyembunyikan asal-usul hasil jenayah. Manual ini menggariskan penjelasan dan butiran lanjut Jenayah Kewangan.

JM mengambil serius risiko Jenayah Kewangan dan komited untuk mengurangkan risiko perniagaannya menyertai atau memudahkan Jenayah Kewangan. Secara khusus, JM berazam untuk memastikan pematuhan pada undang-undang Jenayah Kewangan jika undang-undang ini terpakai untuk perniagaannya. Satu senarai tidak lengkap perundangan Jenayah Kewangan Utama yang JM mesti patuhi termasuk Akta Hasil Jenayah 2002, Akta Melawan Keganasan 2008 dan Akta Kewangan Jenayah 2017. Dasar ini menggariskan prosedur pencegahan JM yang munasabah untuk mengurangkan risiko Jenayah Kewangan berlaku dalam JM.

Risiko Jenayah Kewangan (yang diperincikan dalam Seksyen 4 Manual ini) di JM timbul daripada:

- produk/perkhidmatan yang kami beli dan bekalkan;
- bidang kuasa tempat kami melakukan perniagaan;
- proses yang kami ada mengenai penerimaan dana dan struktur urus niaga yang kami sertai; dan
- jenis Pihak Ketiga dengan siapa kami berurusan.

JM boleh menghadapi hukuman jenayah kerana terlibat dalam Jenayah Kewangan, termasuk denda yang besar dan Pekerja mungkin menghadapi denda dan/atau dipenjarakan. Selain itu, JM mungkin mengalami kerosakan berkekalan ke atas reputasinya. Mengurangkan risiko penglibatan JM dalam Jenayah Kewangan membantu melindungi dan meningkatkan reputasi JM dengan pelanggan, penggubal undang-undang dan pihak berkepentingan lain.

Lembaga Pengarah Johnson Matthey Plc dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulannya komited sepenuhnya kepada Dasar ini dan menyokong Pekerjaanya dalam mematuhiinya.

2 Skop/ Kebolegunaan

Dasar ini terpakai kepada semua orang yang bekerja dalam JM Group seluruh dunia, pada mana-mana tahap dan di semua syarikat JM. Ini termasuk pengurus kanan, pegawai, pengarah, pekerja, perunding, kontraktor, pelatih, pekerja di rumah, pekerja separuh masa dan tempoh tetap, staf sambilan dan agensi serta sukarelawan (secara kolektif "**Pekerja**" atau "**Anda**") melainkan dinyatakan sebaliknya.

Pekerja yang berkaitan (contohnya mereka yang lebih cenderung untuk menghadapi risiko Jenayah Kewangan sebagai sebahagian daripada peranan mereka) mempunyai tanggungjawab khusus di bawah Dasar ini, seperti yang diperincikan dalam Seksyen 5.

Pematuhan dengan Dasar ini dan Manual yang disertakan adalah wajib.

JM berhak meminda, mengubah suai, menggantung, mengubah atau menamatkan Dasar ini pada bila-bila masa. Dasar ini tidak memberikan apa-apa hak atau obligasi kontrak, sama ada nyata atau tersirat.

Dasar ini menetapkan standard minimum yang mesti dipatuhi. Jika undang-undang, peraturan atau kaedah-kaedah tempatan mengenakan standard yang lebih tinggi, standard yang lebih tinggi itu mesti dipatuhi.

3 Dasar

Aktiviti Dilarang Di Bawah Dasar Ini

Anda mesti tidak mengambil bahagian dalam Aktiviti Dilarang. Aktiviti ini adalah:

1. menyembunyikan, menyamarkan, menukarkan atau memindahkan Harta Jenayah atau Harta Keganasan;
2. memasuki atau melibatkan diri dalam suatu pengaturan yang membantu orang lain untuk memperoleh, menggunakan, mengekalkan atau mengawal Harta Jenayah;

3. memasuki atau melibatkan diri dalam suatu pengaturan yang mana wang atau harta lain akan disediakan kepada seseorang yang JM ketahui atau mengesyaki bahawa orang itu akan menggunakan wang atau harta tersebut bagi tujuan keganasan;
4. pemerolehan, penggunaan atau pemilikan Harta Jenayah;
5. menggalakkan perlakuan aktiviti menyalahi undang-undang, seperti sogokan;
6. penyertaan dalam, percubaan untuk melakukan, atau membantu, bersubahat, memudahkan dan memberikan nasihat bagi mana-mana daripada yang di atas;
7. memberikan maklumat kepada orang lain bahawa siasatan terhadap Pengubahan Wang Haram telah bermula atau sedang dijalankan atau suatu laporan atau pendedahan telah dibuat berhubung dengan Pengubahan Wang Haram; dan
8. Pengelakan Cukai atau memberikan bantuan kepada sesiapa sahaja yang anda kenal atau syak terlibat dalam Pengelakan Cukai. Prinsip ini terpakai tanpa mengambil kira jenis cukai, sehingga melibatkan semua cukai langsung atau tidak langsung, termasuk VAT dan duti serta cukai pekerjaan. Ia juga terpakai tanpa mengira lokasi anda atau orang lain dan walaupun orang itu tidak benar-benar berjaya dalam Pengelakan Cukai.

Penjelasan bagi Aktiviti Dilarang ini dan contohnya, boleh didapati dalam Manual.

Anda mesti melaporkan (kepada Penasihat Undang-undang Tugas/Sektor anda atau, jika dinyatakan di bawah Tambahan Tempatan, kepada pegawai pelaporan yang ditetapkan dalam Tambahan Tempatan), apa-apa pengetahuan yang anda ada bahawa Aktiviti Dilarang telah berlaku.

Melaporkan Kecurigaan dan Bendera Merah

Anda mesti melaporkan (kepada Penasihat Undang-undang Tugas/Sektor anda atau, jika dinyatakan di bawah Tambahan Tempatan, kepada pegawai pelaporan yang ditetapkan) dengan segera jika anda mempunyai kecurigaan berlakunya Jenayah Kewangan. Bendera Merah menunjukkan mungkin terdapat kebimbangan Jenayah Kewangan boleh berlaku pada bila-bila masa semasa sesuatu transaksi atau urusan dengan Pihak Ketiga. Pekerja mesti memantau dan berwaspada dengan kecurigaan dan Bendera Merah sepanjang tempoh transaksi atau urusan dengan Pihak Ketiga. Satu senarai tidak lengkap kecurigaan dan Bendera Merah terkandung dalam Lampiran 3 Manual dan Pekerja mesti membiasakan diri mereka dengannya.

Usaha Wajar

Usaha wajar terhadap Pihak Ketiga mesti seimbang dan berdasarkan risiko bergantung pada tahap pendedahan kepada risiko Jenayah Kewangan yang Pihak Ketiga tunjukkan kepada JM.

Pekerja Berkaitan yang bertanggungjawab dalam melibatkan dengan Pihak Ketiga Berkaitan (iaitu Pihak Ketiga yang menimbulkan risiko lebih tinggi kepada JM dari perspektif Jenayah Kewangan) mesti memastikan bahawa usaha wajar dijalankan mengikut standard usaha wajar minimum Jenayah Kewangan, yang terkandung dalam Lampiran 4 Manual ("**Standard Usaha Wajar FC**").

Jika prosedur usaha wajar Kumpulan lain (cthnya Prosedur Melibatkan Perantara Pihak Ketiga Berisiko Tinggi – Johnson Matthey Group (2017)) atau prosedur usaha wajar khusus Sektor/Fungsi) mengenakan standard usaha wajar yang lebih ketat daripada Standard Usaha Wajar FC, standard yang lebih tinggi mesti diikuti.

Standard Usaha Wajar FC mesti diikuti:

- apabila terlibat dalam hubungan perniagaan dengan Pihak Ketiga Berkaitan;
- jika maklumat mengenai Pihak Ketiga Berkaitan telah berubah atau JM mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat itu telah berubah (cthnya perubahan butiran bank, nama syarikat, pemilikan syarikat, jenis dan lokasi aktiviti perniagaan); atau
- jika terdapat sebab untuk mengesyaki bahawa Pihak Ketiga terlibat dalam Jenayah Kewangan.

Rekod mesti disimpan oleh Pekerja Berkaitan yang bertanggungjawab untuk penglibatan hubungan dengan Pihak Ketiga bagi semua langkah usaha wajar yang diambil dan hasilnya. Apa-apa kebimbangan yang berbangkit daripada usaha wajar mesti dilaporkan kepada Penasihat Undang-undang Sektor/Fungsi anda untuk penyelesaian sebelum keputusan untuk melibatkan atau meneruskan kerja dengan Pihak Ketiga diambil.

Perlindungan Kontrak

Pekerja Berkaitan yang bertanggungjawab kerana terlibat dengan Pihak Ketiga Berkaitan mesti mendapatkan nasihat undang-undang daripada Penasihat Undang-Undang Sektor/Fungsi mereka sebelum berkontrak dengan Pihak Ketiga Berkaitan. Penasihat Undang-Undang Sektor/Fungsi mesti memastikan bahawa perlindungan kontrak Jenayah Kewangan yang sesuai dimasukkan apabila berkontrak dengan Pihak Ketiga Berkaitan (iaitu tahap perlindungan kontrak lebih tinggi adalah diperlukan).

Kawalan Kewangan

Pekerja Berkaitan dalam Fungsi Kewangan mesti patuh dengan kawalan kewangan dalam Dasar Kewangan JM dan dalam Kawalan Kewangan Minimum JM. Kawalan kewangan memainkan peranan penting dalam mengurangkan pendedahan JM kepada jenayah kewangan (iaitu memastikan kami selesa dengan sumber dana/bahan yang masuk ke dalam JM, memastikan kawalan mencukupi ke atas bayaran yang dibuat oleh JM kepada Pihak Ketiga dan mempunyai kawalan kewangan sesuai untuk mengenal pasti perubahan kepada bayaran masuk atau keluar yang mungkin menunjukkan pendedahan kepada jenayah kewangan).

Struktur Kompleks

Struktur rantai bekalan atau transaksi yang luar biasa atau kompleks tanpa sebab yang sah boleh meningkatkan risiko JM mengambil bahagian dalam atau memudahkan Jenayah Kewangan. Jika JM diminta untuk mengambil bahagian dalam rantai bekalan atau transaksi yang luar biasa atau kompleks, Pekerja Berkaitan yang bertanggungjawab untuk hubungan itu mesti merujuk Penasihat Undang-Undang Sektor/Fungsi mereka sebelum meneruskan dan apa-apa cadangan untuk penstrukturan mesti diikuti.

Komunikasi dan Latihan

Pekerja Berkaitan mesti mempunyai latihan yang sesuai dan tetap mengenai pematuan dengan Dasar ini, disesuaikan jika perlu untuk melindungi risiko fungsi atau unit perniagaan khusus dan isu-isu bidang kuasa. Mereka yang memberikan latihan mesti mengekalkan rekod kehadiran latihan. Semua Pekerja Berkaitan mempunyai akses kepada Dasar ini, Manual dan apa-apa Tambahan Tempatan berkaitan.

Keengganan untuk melakukan Perniagaan dan Penyimpanan Rekod

Anda mesti menolak untuk melakukan perniagaan dengan Pihak Ketiga yang terlibat dalam apa-apa Aktiviti Dilarang atau yang JM syak sebagai terlibat dalam Jenayah. Pekerja Berkaitan yang bertanggungjawab untuk hubungan dengan Pihak Ketiga mesti membuat rekod bertulis jika JM menolak perniagaan sedemikian. Rekod bertulis mestilah dibuat dengan sebab-sebab bagi keputusan itu selepas berunding dengan Penasihat Undang-Undang Sektor/Fungsi anda dan jika berkenaan, kepada pegawai pelaporan yang ditetapkan dalam Tambahan Tempatan.

4 Rujukan

Untuk mematuhi Dasar ini, anda dikehendaki untuk membaca dan mengikuti keperluan terperinci yang terkandung dalam Manual dan mana-mana Tambahan Tempatan yang dikeluarkan oleh entiti JM serantau atau tempatan (lihat senarai Tambahan Tempatan yang terkandung dalam Lampiran 1 Manual).

Jenayah Kewangan seringkali kompleks dan dalam kebanyakan kes, boleh dikaitkan dengan sogokan dan rasuah, yang ditangani secara berasingan dalam Dasar Anti Sogokan dan Rasuah Global – Johnson Matthey Group (2011).

Jika berkenaan, Pekerja Berkaitan mesti membaca Dasar ini bersama dengan Dasar Kewangan JM dan Kawalan Kewangan Minimum JM.

Semua aktiviti yang dijalankan di bawah Dasar ini (contohnya usaha wajar dan penyimpanan rekod) mesti dilakukan mengikut Dasar Perlindungan Data – Johnson Matthey Group (2018).

Jika berkenaan, Dasar ini juga mesti dibaca bersama dengan Prosedur Melibatkan Perantara Pihak Ketiga Berisiko Tinggi – Johnson Matthey Group (2017) dan Dasar Bersuara – Johnson Matthey Group (2016).

5 Kebertanggungjawapan dan Tanggungjawab

Ketua Eksekutif mempunyai kebertanggungjawapan keseluruhan bagi pematuan terhadap Dasar ini.

Setiap ahli Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan adalah bertanggungjawab untuk, dan mesti dapat menunjukkan pematuan dengan perundangan Jenayah Kewangan dan Dasar ini berhubung dengan Sektor atau Fungsi Berkaitan beliau. Setiap

ahli Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan boleh melantik perwakilan untuk menjalankan tanggungjawab Sektor/Fungsi Berkaitan dan untuk membantu kebertanggungjawapan mereka untuk Dasar ini.

Semua Pekerja Berkaitan (barisan pertahanan pertama)

- Telah membaca Dasar ini dan Manual serta, jika diminta, melengkapkan apa-apa latihan Jenayah Kewangan yang berkaitan;
- Di mana dimaklumkan, menyedari tentang dan patuh dengan apa-apa keperluan undang-undang tempatan tambahan yang terkandung dalam Tambahan Tempatan;
- Memastikan bahawa hubungan dengan Pihak Ketiga dijalankan mengikut prinsip dan keperluan yang digariskan dalam Dasar ini, Manual dan mana-mana Tambahan Tempatan; dan
- Bertanggungjawab membangkitkan Kebimbangan Jenayah Kewangan dan mematuhi Proses Pencetusan.

Setiap Sektor dan Fungsi Berkaitan (barisan pertahanan kedua)

- Menerapkan Dasar di dalam Sektor/Fungsi Berkaitan dan menunjukkan komitmen peringkat kanan terhadap Dasar ini;
- Memastikan semua Pekerja Berkaitan dalam Sektor/Fungsi Berkaitan dikenal pasti dan telah menyelesaikan apa-apa latihan Jenayah Kewangan yang dimaksudkan serta mengekalkan rekod latihan semasa;
- Mencipta dan mengekalkan prosedur usaha wajar mengikut keperluan Dasar ini dan mengekalkan rekod yang berkaitan (konsisten dengan mana-mana dasar/prosedur penyimpanan dokumen yang berkenaan).
- Jika berkenaan dan setelah menerima arahan untuk berbuat demikian, melantik orang yang cukup kanan/berpengalaman sebagai pegawai pelaporan yang ditetapkan di negara-negara dan sektor yang dikawal selia tersebut jika JM mempunyai keperluan sah untuk berbuat demikian; dan
- Mencipta dan mengekalkan rekod laporan atau kecurigaan terperinci tentang Pengubahan Wang Haram atau Jenayah Kewangan lain (konsisten dengan mana-mana dasar/prosedur penyimpanan dokumen berkenaan dan bersama dengan Penasihat Undang-Undang Sektor/Fungsi mereka atau, jika berkenaan, kepada pegawai pelaporan yang ditetapkan dalam Tambahan Tempatan), jika terdapat Dasar atau keperluan sah untuk berbuat demikian.

Fungsi Kewangan (barisan pertahanan kedua)

- Adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Dasar Kewangan JM dan Kawalan Kewangan Minimum JM adalah mencukupi untuk mengurangkan risiko Jenayah Kewangan;
- Memastikan bahawa Pekerja Berkaitan memahami dan patuh dengan Dasar Kewangan JM dan melaksanakan Kawalan Kewangan Minimum JM;
- Memastikan Pekerja Berkaitannya telah menyelesaikan latihan Jenayah Kewangan, dapat mengenal pasti Kebimbangan Jenayah Kewangan dan akan melaporkan kebimbangan ini kepada Penasihat Undang-Undang Sektor/Fungsi mereka (atau, jika berkenaan, kepada pegawai pelaporan yang ditetapkan dalam Tambahan Tempatan); dan
- Setelah menerima permintaan daripada Penasihat Undang-Undang Sektor/Fungsi, adalah bertanggungjawab untuk mengenal pasti Pekerja Berkaitan yang boleh membantu menyelesaikan Kebimbangan Jenayah Kewangan.

Penasihat Undang-Undang Sektor/Fungsi (barisan pertahanan kedua)

- Bertanggungjawab untuk bertindak balas kepada dan memberikan bimbingan mengenai Kebimbangan Jenayah Kewangan dibangkitkan oleh Pekerja dan bertanggungjawab untuk menyelaraskan Proses Pencetusan apabila Kebimbangan Jenayah Kewangan dilaporkan;
- Memastikan bahawa perlindungan kontrak Jenayah Kewangan yang sesuai dimasukkan apabila berkontrak dengan Pihak Ketiga Berkaitan; dan
- Bertanggungjawab mencipta atau menyelaraskan rekod dan laporan berkaitan mengikut keperluan Dasar dan undang-undang berkenaan.

Pegawai Pelaporan yang Ditetapkan (barisan pertahanan kedua)

- Memahami tanggungjawabnya dalam Tambahan Tempatan dan telah melengkapkan apa-apa latihan khusus Jenayah Kewangan;
- Mematuhi semua tanggungjawabnya yang terkandung dalam Tambahan Tempatan; dan
- Memaklumkan Penasihat Undang-Undang Sektor/Fungsi dan Kumpulan Etika & Pematuhan tentang apa-apa Kebimbangan Jenayah Kewangan yang menjadi perhatiannya.

Kumpulan Etika & Pematuhan (barisan pertahanan kedua)

- Memaklumkan dan menasihatkan JM dan Pekerja Berkaitannya tentang kewajipan di bawah undang-undang Jenayah Kewangan berkenaan;
- Melaksanakan dan menguruskan program pematuhan Jenayah Kewangan JM;
- Memantau pematuhan dengan Dasar ini dan undang-undang Jenayah Kewangan berkenaan;
- Memastikan latihan Jenayah Kewangan tersedia untuk Setiap Sektor/Fungsi Berkaitan;
- Mengkaji dan mengemukakan laporan atau kecurigaan tentang Pengubahan Wang Haram atau Jenayah Kewangan lain jika terdapat keperluan undang-undang untuk berbuat demikian; dan
- Bertindak sebagai titik hubungan dalaman untuk mana-mana pihak berkuasa berkaitan menyiasat isu-isu Jenayah Kewangan yang berpotensi melibatkan JM.

Jaminan & Risiko Korporat JM (barisan pertahanan ketiga)

- Memantau reka bentuk dan keberkesanan proses dan kawalan di barisan pertahanan pertama dan kedua dan memberikan jaminan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan serta Lembaga Pengarah JM Plc.

6 Kawalan Utama

Kawalan utama yang disenaraikan dalam Seksyen ini menggariskan standard kawalan minimum yang diperlukan sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja Jaminan JM. Ia bukan bertujuan untuk menjadi senarai lengkap kawalan dalam Dasar ini.

Risiko Utama	Kawalan Utama
JM terbabit dengan Pihak Ketiga yang tidak sesuai, menyebabkan JM terdedah kepada penglibatan dalam Jenayah Kewangan	<p>Mengenal pasti Pihak Ketiga</p> <p>Sebelum melibatkan Pihak Ketiga Berkaitan, dan secara berterusan, Pekerja Berkaitan mesti menjalankan usaha wajar mengikut Standard Usaha Wajar FC (atau standard yang lebih tinggi jika ditetapkan oleh prosedur usaha wajar Kumpulan atau Sektor/Fungsi Berkaitan tertentu).</p>
Kebimbangan Jenayah Kewangan tidak difahami dan/atau dilaporkan oleh Pekerja, menyebabkan JM terdedah kepada penglibatan dalam Jenayah Kewangan	<p>Mengenal pasti dan melaporkan Kebimbangan Jenayah Kewangan</p> <p>Semua Pekerja Berkaitan adalah terlatih dan dapat mengenal pasti dan melaporkan Kebimbangan Jenayah Kewangan</p>
Kebimbangan Jenayah Kewangan dilaporkan tetapi tidak ada proses dalaman untuk menyelesaikan percanggahan pendapat mengenai kesimpulan	<p>Proses Pencetusan</p> <p>Semua Pekerja Berkaitan adalah terlatih dengan Proses Pencetusan dan mematuhi Proses Pencetusan</p>

Risiko Utama	Kawalan Utama
Kawalan kewangan dalaman tidak diikuti atau tidak mencukupi untuk mengurangkan risiko Jenayah Kewangan	<p>Mematuhi Kawalan Kewangan Minimum JM</p> <p>Fungsi Kewangan mesti melaksanakan standard kawalan kewangan minimum dan Pekerja Berkaitan dalam fungsi Kewangan mesti mematuhi kawalan kewangan yang digariskan dalam Kawalan Kewangan Minimum JM</p>

7 Akibat Pelanggaran

Akibat Pelanggaran

Kegagalan untuk mematuhi Dasar ini (termasuk Manual) dan mana-mana Tambahan Tempatan akan menjadi satu kesalahan disiplin dan boleh mengakibatkan tindakan disiplin sehingga dan termasuk pemecatan. Dalam kes yang teruk, pelanggaran oleh Pekerja boleh menjadi kesalahan jenayah dan boleh menyebabkan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang mengambil tindakan terhadap Pekerja tersebut dan/atau JM.

Penyiasatan

Apa-apa kebimbangan yang berkaitan dengan pelanggaran Dasar ini akan disiasat dan diselaraskan oleh Ketua Kumpulan Etika & Pematuhan, melaporkan kepada Pengarah Undang-Undang Kumpulan.

Membangkitkan Kebimbangan

Kebimbangan yang berkaitan dengan apa-apa pelanggaran yang sebenar, yang dikatakan atau yang disyaki terhadap Dasar ini hendaklah dibangkitkan seperti yang dinyatakan dalam Dasar Bersuara Johnson Matthey Group 2016, melalui mana-mana nombor saluran, termasuk: (i) pengurus barisan atau pengurus HR anda; (ii) mana-mana ahli Kumpulan Undang-Undang atau Kumpulan Etika & Pematuhan; (iii) Talian Bersuara; atau (iv) e-mel tanpa nama.

8 Pemilik Dasar

Dasar ini dimiliki oleh Ketua Kumpulan, Etika & Pematuhan.

9 Kawalan Dokumen

Kawalan Dokumen

Nombor Versi	1.0
Rujukan	
Badan Kelulusan	Jawatankuasa Dasar OneJM
Tarikh Terbitan	14 Januari 2019
Tarikh Luput (jika berkenaan)	
Pengarang Dasar	Rebekah Coleman
Klasifikasi	Dalaman

Sejarah Semakan

Nombor Versi	Tarikh Penerbitan Ringkasan Perubahan

10 Definisi

Harta Jenayah	Harta yang merupakan atau mewakili manfaat orang daripada kelakuan jenayah, sama ada orang itu mengetahui atau mengesyaki bahawa harta itu merupakan atau mewakili manfaat sedemikian. Sebagai contoh, ini boleh termasuk menerima dana atau barangan yang kami syak ia dihasilkan daripada kelakuan jenayah (contohnya barang diterima berikutan sogokan yang telah dibayar kepada pegawai kastam).
Proses Pencetusan	Apabila Kebimbangan Jenayah Kewangan dikenal pasti ini perlu dilaporkan mengikut Proses Pencetusan yang diperincikan dalam Lampiran 8 Manual.
Jenayah Kewangan	Termasuk Pengubahan Wang Haram, Pengelakan Cukai dan Pembiayaan Keganasan serta apa-apa aktiviti haram lain yang menyembunyikan asal-usul hasil jenayah, seperti yang diperincikan dalam Seksyen 2 Manual.
Kebimbangan Jenayah Kewangan	Seperti yang diterangkan dalam Seksyen 9 Manual.
Usaha Wajar FC Standard	Seperti yang ditakrifkan pada halaman empat Dasar ini.
JM	Johnson Matthey Plc dan anak-anak syarikat dan gabungannya (termasuk syarikat usaha sama yang mana entiti Johnson Matthey mempunyai kepentingan kawalan ke atasnya) di seluruh dunia.
Dasar Kewangan JM	Semua dasar Kewangan, Cukai dan Perbendaharaan berkenaan berada di MyJM
Kawalan Kewangan Minimum JM Kawalan	Kawalan kewangan minimum JM, seperti yang dinyatakan dalam Risiko Tadbir Urus dan Sistem Pematuhan.
Tambahan Tempatan	Apa-apa tambahan kepada Dasar yang digunakan dalam bidang kuasa yang diberikan.
Manual	Dasar Jenayah Kewangan - Johnson Matthey Group - Manual (2019), seperti yang dikemas kini atau ditambah dari semasa ke semasa.
Pengubahan Wang Haram	Proses menyembunyikan asal-usul sebenar hasil jenayah dan menyepadukan hasil tersebut ke dalam ekonomi yang sah. Kesalahan utama pengubahan wang haram melibatkan berurusan dalam "Harta Jenayah" atau bersubahat dengan orang lain untuk membolehkan Mereka untuk mengurus niaga atau menyimpan "Harta Jenayah".
Dasar	Dasar Jenayah Kewangan - Johnson Matthey Group - 2019, seperti yang dikemas kini atau ditambah dari semasa ke semasa.
Aktiviti Dilarang	Aktiviti dilarang disenaraikan dalam Seksyen 3 Dasar ini.
Bendera Merah	Bendera merah adalah penunjuk bahawa sesuatu mungkin tidak kena dengan transaksi, urusan atau Pihak Ketiga dari perspektif undang-undang atau pematuhan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Jenayah Kewangan, sogokan dan rasuah serta kawalan perdagangan/eksport) seperti dinyatakan dalam Seksyen 6 dan Lampiran 3 Manual.
Fungsi Berkaitan	Fungsi dengan potensi meningkatkan risiko untuk menghadapi Jenayah Kewangan, termasuk tetapi tidak terhad kepada: HR, Kewangan, Akaun, Cukai & Perbendaharaan, Perolehan dan Perundangan.
Pekerja Berkaitan	Pekerja daripada Fungsi Berkaitan bersama dengan mana-mana Pekerja yang: <ul style="list-style-type: none"> o tersedia dan/atau terlibat dalam usaha wajar Pihak Ketiga; o mempunyai hubungan tetap dengan Pihak Ketiga; o mengendalikan maklumat kewangan yang berkaitan dengan Pihak Ketiga; atau o sebaliknya telah dikenal pasti sebagai Pekerja yang mungkin menghadapi Bendera Merah semasa menjalankan fungsi kerja mereka.
Pihak Ketiga Berkaitan	Pihak Ketiga yang menimbulkan risiko lebih tinggi kepada JM dari perspektif Jenayah Kewangan, seperti diperincikan dalam Seksyen 4 Manual.
Pengelakan Cukai	Secara sengaja atau secara tidak jujur menipu hasil awam atau mengelakkan cukai dengan penipuan. Pengelakan Cukai termasuk pemudahan pengelakan cukai, yang boleh berlaku apabila seseorang itu sedar terlibat dalam, atau mengambil langkah dengan tujuan untuk, penipuan pengelakan

	cukai orang lain, atau membantu, bersubahat, memberi nasihat atau mendapatkan komisen daripada pengelakan itu.
Pembiayaan Keganasan	Menyediakan wang atau harta lain kepada kumpulan dengan niat, pengetahuan atau kecurigaan bahawa kumpulan itu akan menggunakan wang itu untuk tujuan keganasan atau berurusan dengan Harta Keganasan.
Harta Keganasan	Wang atau harta lain yang mungkin akan digunakan untuk tujuan keganasan, yang merupakan hasil komisen daripada tindakan keganasan dan / atau hasil daripada tindakan yang dijalankan bagi tujuan keganasan.
Pihak/Pihak-Pihak Ketiga	Pelanggan sebenar atau bakal pelanggan, pembekal barangan dan perkhidmatan, perantara pihak ketiga (contohnya ejen, pengedar/penjual semula, penyedia logistik dan perantara kerajaan) atau mana-mana pihak ketiga lain yang JM ada hubungan langsung.
Pekerja	Seperti ditakrifkan di halaman tiga Dasar ini.
